

## KAJIAN MANUSKRIP *HUJJATUL BALIGHAH* : SATU TINJAUAN AWAL

**Ahmad Misbah Bin Muhamad Hilmi**  
Jabatan Undang-undang Akademi Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[ahmadmisbah@kuis.edu.my](mailto:ahmadmisbah@kuis.edu.my) 013-3879038

### ABSTRAK

*Ilmu Pengetahuan adalah asas perkembangan tamadun manusia. Manuskrip Jawi-Melayu adalah sumber asas pengetahuan di Alam Melayu pada masa lalu. Walaupun banyak penyelidikan telah dilakukan kepada manuskrip Melayu, Namun dalam kajian manuskrip jarang disebutkan walaupun sumber-sumber rujukan yang berwibawa dan penting. Kedatangan Islam ke Alam Melayu merancakkan proses pembudayaan ilmu yang menjadi teras peradaban di Nusantara dan ini dibuktikan dengan peninggalan yang kaya dengan pelbagai disiplin ilmu yang boleh dikesan dalam manuskrip mereka. Proses ini berkembang lancar melalui peranan ulama Nusantara dalam perkembangan ilmu Islam. Ulama Nusantara khususnya di Tanah Melayu, Fatani dan Aceh meninggalkan kesan yang sangat besar telah menghasilkan pelbagai penulisan terutama dalam ilmu fiqah, karya-karya para ulama ini masih dirujuk. Pada umumnya kajian ini berasaskan kajian kepustakaan dan menggunakan metode pengumpulan data, metode suntingan/salinan teks dan metode analisis teks. Daripada kajian ini didapati bahawa ulama Nusantara telah membina kerangka sistem kehakiman Islam. Sama ada dengan lisan atau karangan. Di antara mereka ialah As-Syeikh Jalaluddin Ibnu Syeikh Kamaluddin. Manuskrip Hujjatul Balighah merupakan kitab fiqah bermazhab Syafii yang memuatkan fiqah al-qadha.*

Kata Kunci: Manuskrip, Penghakiman, Nusantara

---

### 1. Pengenalan

Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Antarabangsa Penyelidikan Pasca Siswazah. Sebagai menyanjung ulama yang berbudi menyampaikan ilmu tanpa lelah dan upah, penulis ingin merakamkan penghargaan dengan memaparkan sumbangan mereka. Karya-karya Islam dihasilkan dalam pelbagai disiplin ilmu, termasuklah dalam bidang Kehakiman Islam. Manuskrip yang terhasil adalah merupakan khazanah yang amat bernilai untuk dimanfaatkan oleh masyarakat kini, terlalu banyak pedoman dan pengajaran yang boleh dijadikan pembimbing ke arah membina kembali rasa kagum dan akhirnya menggapai semula kegemilangan bangsa yang telah hilang. Ia merangkumi segala bentuk tulisan tangan dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam Melayu dan ketamadunannya. Syeikh Jalaluddin Al-Asy adalah seorang ulama yang hebat pada waktu pemerintahan kerajaan Islam Aceh dan beliau mempunyai kedudukan dan pengaruh dalam kerajaan Aceh pada masa itu. Tulisan *Hujjatul Balighah* merupakan buah tangan beliau dari permintaan sultan Aceh pada masa itu. Manuskrip *Hujjatul Balighah* merupakan salah satu sumbangan Syeikh Jalaluddin Al-Asy yang belum di kaji atau dilakukan analisis terhadap penulisannya. Manuskrip beliau kini berusia hampir 390 tahun.

### 2. Latar Belakang Kajian dan Permasalahan

Manuskrip Melayu merupakan gambaran sebenar warisan budaya masyarakat Islam di Nusantara pada masa silam yang menyentuh keseluruhan aspek kehidupan mereka termasuklah sistem kehakiman, kosmologi, prinsip hidup, tatasusila kehidupan, pencapaian

masyarakat dan sosio-budaya. Penulisan pelbagai aspek ilmu telah dihasilkan sejak kurun ke-17 lagi. Tradisi penulisan ini dibuktikan melalui penemuan pelbagai manuskrip dalam pelbagai bidang, terutama ilmu Islam. Kajian ini adalah analisis teks dari sebuah manuskrip yang di tulis oleh Syeikh Jalaluddin al-Asy. Penulisan *Hujjatul Balighah* beliau ini adalah khusus dalam bidang fiqah Kehakiman. Beliau adalah seorang ulama dan telah dilantik menjadi Mufti kerajaan Aceh. Apa yang ingin dilihat dalam kajian ini adalah teks manuskrip serta sejauh mana beliau ketokohan beliau sama ada beliau bebas atau terpengaruh dengan metodologi penulisan dan pemikiran ulama yang sezaman dengannya atau karya beliau ini adakah sebuah karya yang bebas dari pengaruh penulisan ulama timur tengah. Oleh sebab itu penulis dapati kajian terhadap fiqah kehakiman silam adalah wajar.

Sesuatu maklumat yang hendak disampaikan oleh sesebuah manuskrip kadang kala hanya dapat di fahami dan di manfaat setelah dilakukan analisis dan dijelaskan melalui ilmu filologi atau ditahqiq teks tersebut. Keadaan ini berlaku kerana tidak semua masyarakat pembaca hari ini dapat membaca tulisan jawi mereka dan memahami isi teks zaman dahulu. Manakala usaha ini, kajian terhadap kitab Jawi Lama dalam bidang kehakiman amat kurang. Kebanyakan kitab Jawi tidak melalui analisis ilmiah termasuklah proses *tahqiq*. Kajian ini ialah berkaitan kajian teks manuskrip *Hujjatul Balighah* yang membicarakan tentang kaedah penghakiman(*manhaj al-qadha*).

Kebiasaannya manuskrip mengandungi gaya bahasa klasik dan istilah – istilah kedaerahan yang sukar di fahami dan adakala sudah tidak digunakan lagi pada zaman sekarang dan ini menyukarkan pembaca masa kini menghayati dan memahami isi teks tersebut. Terdapat keguguran atau hilangnya perkataan dalam naskhah yang lama menyebabkan sesetengah fakta itu diragui kesahihannya.

### 3. Persoalan Kajian

Namun sebelum itu, berdasarkan latar dan permasalahan kajian ini, penulis perlu berusaha untuk menjawab persoalan-persoalan kajian berikut, antaranya:

- a. Apakah metodologi penulisan yang diaplikasikan dalam penulisan fiqah kehakiman .
- b. Apakah sumber rujukan yang diaplikasikan dalam penulisan manuskrip tersebut.
- c. Apakah kaedah penghakiman yang diamalkan oleh Syeikh Jalaluddin al-Asy dalam *Hujjatul Balighah*?
- d. Adakah wujud pandangan ulama masa kini yang berbeza-beza tentang kaedah penghakimannya dalam *Hujjatul Balighah*?

### 4. Kepentingan kajian Manuskrip

Kajian Asmak (2013) mendapati hanya 30% daripada sejumlah 10,000 manuskrip Melayu<sup>1</sup> yang bertebaran di 28 buah institusi di seluruh dunia telah dikaji secara mendalam, secara tidak langsung menunjukkan bahawa masih banyak lagi khazanah ilmu yang belum ditelaah. Semuanya ini tersimpan dalam pelbagai bentuk seperti kitab dan lembaran surat-surat yang menunggu untuk kita usahakan.

Kajian ini merupakan usaha melengkapkan kajian terhadap pemikiran tokoh pemikir Perundangan Islam dalam sejarah perkembangan Islam di Alam - Melayu. Ia juga akan meneroka kajian tema-tema penting kehakiman termasuklah tujuan, kaedah dan teknik penghakiman dalam karya warisan sistem kehakiman (*turath nizam al-qadha*).

---

<sup>1</sup> Prof Madya Asmak Hj Ali, Fatimah Hj Salleh dan Che Zaharah Abdullah. Penulisan Manuskrip Melayu Islam: Satu Tinjauan Awal dalam *Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu Dan Kearifan Tempatan*. 2013: 228-237.

Kajian ini ingin menjelaskan kaedah penghakiman dalam sistem Kehakiman Islam di Nusantara satu masa dahulu iaitu *ad-dakwa*, *as-shahadah* dan *al-bayyinah*. Semua elemen ini merupakan perkara utama dan juga refleksi daripada kefahaman yang mendalam terhadap falsafah kehakiman iaitu mencapai keadilan Islam itu sendiri.

Kajian ini menghasilkan suatu analisis ilmiah serta *tahqiq* iaitu kajian teks terhadap manhaj kitab jawi-lama dalam sistem kehakiman di Alam-Melayu Islam yang pertama terhadap kitab *Hujjah al-Balighah*.

## 5. Reka bentuk Kajian

Kajian yang akan di lakukan oleh penulis merupakan kajian sejarah dan menganalisis teks manuskrip. Reka bentuk kajian yang di gunakan nanti termasuk dalam kategori kualitatif<sup>2</sup>. Kaedah analisis kandungan teks merupakan proses menilai dan menganalisis kewujudan makna dan juga hubungan fakta-fakta ataupun konsep-konsep tertentu dan kemudian membuat jangkaan pada mesej dalam teks penulis kitab, juga mengambil kira budaya serta waktu yang merupakan sebahagian daripada faktor yang dinilai dan dianalisis<sup>3</sup>.

### 5.1 Proses Kajian

Penulis membuat tiga langkah dalam kajian ini sebagaimana yang di tunjuk rajah di bawah.

input	proses	hasil
Manuskrip <i>Hujjahtul Balighah</i> Syeikh Jalaluddin al-Asy dalam bab al-Qadha	1. Analisis Teks - Tumpuan kepada Apa Isi Kandungan dan Bagaimana metod penulisan Syeikh Jalaluddin al-Asy. Komparatif 2. Tranliterasi Jawi ke Rumi 3. <i>Tahqiq</i> Teks	Kaedah Penghakiman Islam dalam <i>Hujjatul balighah</i> yang telah di analisis dan <i>ditahqiq</i>

### 5.2 Metod Pengumpulan Data

Metod Pengumpulan Data Kualitatif seperti kajian kitab- kitab *umdah* dalam mazhab Syafii, dokumen, jurnal, temu bual pakar bidang manuskrip.

#### 5.2.1 Metode Analisa Data Kualitatif

- Metode Induktif ini satu cara menganalisis data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil umum<sup>4</sup>.
- Metode Deduktif pula satu cara menganalisis data melalui pola berfikir untuk mencari pembuktian dengan berpandukan dalil-dalil umum terhadap hal-hal khusus. Dalam konteks ini, ia adalah suatu proses membuat kesimpulan atau rumusan daripada maklumat atau fakta yang ada daripada keadaan yang umum kepada yang khusus.
- Metode Komparatif : Peringkat awal penulis melakukan perbandingan antara sumber data dari beberapa buah manuskrip. Memandangkan sumber teks *Hujjatul balighah* yang ada

<sup>2</sup> Lihat Rohana Yusof(2003), *op.cit.*, hlm. 35. Lihat juga Chua Yan Piaw(2006), *Kaedah Penyelidikan Malaysia* Mcg raw Hill, hlm.6

<sup>3</sup> Ibid, Rohana Yusof (2003), hlm.34

<sup>4</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIK-JKIP, h. 52-53.

hanya manuskrip peringkat penyalinan, maka ia perlu dilengkapi dengan membandingkan beberapa salinan naskah manuskrip lain.

- d. Metode Analisis Hermeneutikal<sup>5</sup>
- e. Metode Analisis Manuskrip Jawi Lama: Langkah awal analisis teks manuskrip bermula dari suntingan(pilihan) teks kemudian proses transliterasi Jawi ke Rumi. Memandangkan ini kajian teks manuskrip, maka langkah awal terhadap penyuntingannya iaitu hanya pada peringkat *tashih*, maka ia perlu dilengkapi dengan membandingkan beberapa naskah manuskrip asal. Para pakar yang berpengalaman dan melibatkan diri secara langsung dalam bidang suntingan ilmiah mensyaratkan edisi tersebut hendaklah bersumberkan sejumlah naskah asal manuskrip. Sekurang-kurangnya dua manuskrip asal yang lengkap sebagai perbandingan dan alternatif bacaan. Transliterasi jawi ke rumi dan ini juga seterusnya dianalisis untuk memberi pentafsiran mendalam dan konkrit terhadap pemikiran Jalaluddin al-Asy. Justeru, suntingan ilmiah terhadap teks maha penting diusahakan terlebih dahulu sebelum ia di transliterasi jawi-rumi dan dianalisis kandungannya. Ini kerana keabsahan teks akan mempengaruhi pemahaman teks dan keputusan analisis.

## 6.0 Manuskrip Islam Nusantara

Manuskrip diambil dari perkataan Inggeris iaitu *manuscript*<sup>6</sup>. Menurut Kamus Dewan manuskrip bermaksud tulisan tangan, versi atau bahan (sesuatu karya) yang telah disediakan oleh penulis (editor dan sebagainya) untuk dicetak dan diterbitkan dalam bentuk buku.<sup>7</sup> Ia adalah naskah, teks, dokumen, sahifah tulisan tangan yang menjadi kajian filologi. Ia terdapat dalam berbagai bentuk bahan dan masih tersimpan di muzium dan belum pernah diselidiki.

### 6.1 Sejarah perkembangan Manuskrip Jawi

Manuskrip Jawi merupakan harta warisan berupa pemikiran dan kebudayaan bangsa dan negara pada zaman silam. Manuskrip Melayu sama ada yang menggunakan tulisan Jawi ataupun tulisan suku, selain ditulis di atas kertas, ia juga turut terdapat pada bahan-bahan penulisan yang terdahulu seperti batu, daun-daun lontara, kulit kayu deluang, di atas kulit-kulit binatang dan belulang, batang-batang buluh, tulang, tanduk serta logam.<sup>8</sup> Sejak kitab Jawi diperkenalkan kepada masyarakat Nusantara, ia telah mula digunakan sebagai bahan pengajian agama Islam.<sup>9</sup>

### 6.2 Perkembangan Penulisan Manuskrip Fiqah di Alam Melayu

Bidang agama yang menjadi tumpuan dan menarik minat penuntut-penuntut ilmu pada waktu itu pula berkisar kepada tiga bidang iaitu ilmu fiqah, tawhid dan tasawuf.<sup>10</sup> Namun begitu ilmu-ilmu lain seperti tafsir, hadis, *nahw sarf* dan selainnya tetap berkembang walaupun agak

---

<sup>5</sup> Secara etimologi, kata *hermeneutika* berasal dari bahasa Yunani, *hermeneuein*, yang bererti *mentafsirkan*. Dari situ kemudiannya pengertian kata *hermeneutika* memiliki kaitan dengan sebuah penafsiran atau interpretasi. lihat Acep Iwan Saidi *Hermeneutika, Sebuah Cara Untuk Memahami Teks*, Jurnal Sosio teknologi Edisi 13 Tahun 7, April 2008.

<sup>6</sup> Abu Hassan Sham 2003: 41.

<sup>7</sup> Kamus Dewan edisi ke 4, 2007:997

<sup>8</sup> Abdul Latiff Abu Bakar (1985), *Warisan Dunia Melayu: Teras Peradaban Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 71.

<sup>9</sup> Harun Mat Piah *et al.* (2006), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 42.

<sup>10</sup> Mahayudin Haji Yahaya (2001), *op.cit.*, h. 171. Lihat Abdul Rahman Hj Abdullah (1989), *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn Bhd. h. 142-143.

perlahan berbanding ketiga-tiga ilmu tersebut. Kecenderungan ini mungkin dipengaruhi oleh perkembangan dan aliran pengajian Islam di Haramain iaitu Mekah dan Madinah yang merupakan pusat pengajian Islam terulung pada ketika itu.<sup>11</sup> Antara manuskrip yang turut membicarakan tentang kehakiman dan perundangan Islam adalah *Hujjatul Balighah* karya Jalaluddin Al-Asy, *Mir-At Al-Thullab* Kitab Fiqah Karya Al-Fanshuri. *Thamarah al-Muhimmah* karya Raja Ali Haji<sup>12</sup>. Undang-undang Minangkabau, Undang-undang Laut Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah dan Undang-undang Johor.

## 7. Metode Penulisan Ulama' dalam Mengemukakan Pandangan

- a. Memetik kenyataan asal daripada kitab rujukan seseorang ulama seterusnya menterjemah petikan tersebut.
- b. Menyandarkan sesuatu pandangan itu kepada tokoh-tokoh ulama fiqah dalam mazhab Syafii untuk mengukuhkan pandangan tersebut.
- c. Menyandarkan sesuatu pandangan itu kepada ulama-ulama fiqah tanpa menyebut nama mereka untuk mengukuhkan pandangan tersebut.
- d. Menyandarkan sesuatu pandangan tersebut kepada ulama-ulama fiqah berserta nama kitab karangan mereka.
- a. Menyandarkan pandangan tersebut kepada nama kitab sahaja.
- e. Mengemukakan pandangan yang terpilih daripada perselisihan yang berlaku.

## 8. Sorotan Kajian Teks Manuskrip Kehakiman

Kajian terhadap teks kitab kehakiman (*al-Qadha*) tokoh-tokoh ulung Islam sama ada tokoh terdahulu<sup>13</sup> mahupun kontemporari<sup>14</sup> merupakan suatu pendekatan terpenting dalam

---

<sup>11</sup> Hijaz pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20 telah muncul sebagai pusat pendidikan agama yang penting dengan bermastautinnya beberapa orang ulama dari alam Melayu yang bukan sahaja mengajar di Masjid al-Haram malahan menghasilkan buku-buku agama yang menjadi rujukan di alam Melayu. Bentuk pengajian Islam di Tanah Melayu pula tidak banyak berbeza dengan bentuk pengajian di Haramain kerana kitab-kitab yang digunakan di Tanah Melayu adalah merupakan karya-karya penulisan ulama Nusantara yang mendapat pendidikan di Haramain. Setelah berada berpuluh tahun di luar negeri sebahagiannya kembali semula ke negeri masing-masing dan seterusnya mengajar ilmu-ilmu yang mereka pelajari. Apa yang menarik, pendekatan ulama yang mendapat pendidikan di Haramain pada abad ke 19 dan 20 Masihi adalah lebih kepada pendekatan saling menyesuaikan iaitu pendekatan kerjasama antara fahaman *ahl al-syariah (fuqaha')* dan ahli *haqiqah (sufi)* mengakibatkan kemunculan para ulama yang mengabung amalan tasawuf tarekat dengan syariat atau apa yang dinamakan sebagai neo sufisme aliran al-Ghazali. Lihat Mahayudin Haji Yahaya (2001), *op.cit.*, h. 171. Lihat Martin Van Bruinessen (1999), *Kitab Kuning*, cet 3, Bandung: Penerbit Mizan, h 41. Lihat Azyumardi Azra (1998), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad 17 dan 18*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 59. Lihat Mohammad Redzuan Othman Dr , Masjid al-Haram Dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan Dan Intelektualisme Masyarakat Melayu dalam *Jurnal Usuluddin* Bil 13 Julai 2001.

<sup>12</sup> Kitab ini merupakan pertunjuk dan nasihat yang layak dan tidak layak bagi seseorang raja, para pembesar dan pengendalian hukum seperti hakim, qadi, wazir.

<sup>13</sup> Antara kajian Teks ( nas) kitab bab *al-Qadha* tokoh terdahulu ialah; al-Imam al-Qadhi Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi al-Syafe'i(450H), *Al-Ahkam al-Sutaniyyah*. Beirut Darul al-Fikr. Imam al-Qadhi Abu Yu'la al-Farrak al-Hanbali (458H) *al-Ahkam al-Sulthaniyyah*. Kaherah. Darul al-Kitab, Syeikh al-Islam Burhanuddin Abi al-hasan; 'Ali bin Abi Bakar bin 'Abdul Jalil ar-Rasydani al-Marghinani ( wafat 593 H ) *al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah , Lubnan. Ibnu Abi Dam al-Syafe'i *Kitab Adab al-Qadha*. Baghdad. Dar al-Kitab. Ibn Farhun, Ibrahim ibn `Ali, *Tabsirah al-hakkamu fi usul al-akdiyah wa-manahij al-ahkam*.(1991) Beirut Darul Kitab Ilmiah. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Turuq Hukmiyyah*.(1991) Beirut Darul Kitab al-Ilmiah. Ibn al-Ukhuwwah, *Ma'alim al-Qurba*.(2001) Beirut Darul al-Kitab.

<sup>14</sup> Antara kajian teks kitab *al-Qadha* tokoh semasa ialah; Dr. Ahmad Mubarak al-Baghdadi (ed) dalam *al-Ahkaam as-Sulthaniyyah*. 1989, Kuwait: Maktabah Daar Ibn Qutaibah, al- Jabiri, Muhamad 'abid , Muhammad Hamid al-faqi(ed) dalam *al-Ahkaam as-Sulthaniyyah li qadi abu ya'la*,2000, Beirut: Darul Kitab al-Ilmiah. *ad-Din wa Dawlah wa tatbiq al-Shariah*.1996. Beirut Markaz al-Dirasat al-' rabiyyah. Dr Muhammad Ra'fat Usman. *al-Nizam al-Qadha 'I fi al-Fiqah al-Islami*. Dr Abdul Karim Zaidan, *Nidzam al-Qadha' Fi al-Syariat al-Islamiyyah*. Dr. 'bdul Qadir Abu Faris . *Al-Qadha fil Islam*. 1978. Amman. Maktabah al-Aqso. Dr. Muhammad 'bdur rahman Al- Bkr. *Al-Sultah al-Qadhiyah wa Shahsiyah al-Qaadhi fin nizam al-Islami*. 1988. Kaherah. Az-



membantu analisis teks manuskrip karya ulama Nusantara. Para ulama Melayu klasik telah menghasilkan pelbagai genre penulisan dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Abdul Kadir (1996) telah membahagikan penulisan fiqah atau hukum Islam khususnya di Malaysia kepada tiga kategori, iaitu penulisan awal hukum Islam, penulisan hukum Islam pada abad ke 19 dan penulisan hukum Islam pada abad ke 20 hingga merdeka yang merangkumi penulisan *khilfiyyah* dan tidak *khilfiyyah*.<sup>15</sup>

Pada peringkat awalnya, didapati telah ada beberapa peraturan yang berasaskan syariah diterapkan dan dilaksanakan di beberapa negara Muslim pada zaman awal Islam di Kepulauan Melayu, namun tiada kitab fiqah lengkap dalam bahasa Melayu (jawi) atau bahasa tempatan hinggalah separuh kedua kurun ke 17. Sebelumnya ilmu fiqah wujud secara terpisah dan kebanyakannya di transmisi berdasarkan tradisi lisan. Pada masa ini, ilmu fiqah belum menjadi fokus utama, malah falsafah mistik lebih diminati berbanding aspek perundangan Islam.

Perkembangan di Nusantara memperlihatkan permulaan inisiatif para ulamanya mengkaji dan meneliti semula karya-karya ulama terdahulu. Kajian semula ini dilihat daripada berbagai sudut antaranya seperti penyusunan semula, pengumpulan bahan-bahan dan isi-isi penting yang berselerakan dalam pelbagai kitab ke dalam sebuah kitab, penyempurnaan dan pembaikan karya-karya ulama terdahulu. Kajian ini melihat ada persamaan sumber rujukan dalam penulisan kitab-kitab fiqah Alam Melayu dan ini memberikan kesan positif dalam wacana fiqah Alam Melayu. Rujukan utama adalah bersumberkan kitab *Nihayah al-Muhtaj*, *Tuhfah al-Muhtaj*, dan *Mughni al-Muhtaj*. Kesannya, tiada konflik yang serius dalam masalah *khilafiyah* kalangan masyarakat Melayu.<sup>16</sup>

## 9. Biografi Ringkas Syeikh Jalaluddin Al-Asy

### 9.1 Nama

Syeikh Jalaluddin al-Asyi atau lebih dikenali sebagai Faqih Jalaluddin hidup dalam abad ke-18 Masehi Beliau merupakan ulama besar Aceh pada zamannya dan pernah dilantik menjadi Kadi Malikul Adil pada masa pemerintahan Sultan Alauddin Maharaja Lela Ahmad Syah (1139 H/1727 M - 1147 H/1735 M) dan ketika pemerintahan Sultan Alauddin Johan Syah (1147 H/1735 M -1174 H/1760 M). Dirwayatkan bahawa Sultan Aceh, iaitu Sultan Alauddin Ahmad Syah dan ahli istana yang lain menjadi anak murid beliau. Ini adalah kerana Sultan Aceh sentiasa merujuk sesuatu perkara kepada beliau. Ayahanda Faqih Jalaluddin bernama Syeikh Kamaluddin manakala datuknya pula bergelar Qadhi Baginda Khathib at-Tarun Pasir.<sup>17</sup> Menurut Wan Saghbir ternyata nama ayah beliau yang tertulis pada kitab *Jam'u Jawami' al-Mushannafat* telah keliru cetak. Pada manuskrip karya beliau yang berjudul

---

Zahra lil 'I'lam al-'arabi. Mahmud Muhamad 'arnus. tt. *Tarikh al-Qadha al-Islami*. Kaherah al-Matba'ah al-Misriyyah al-Hadisah.

<sup>15</sup> Abdul Kadir Haji Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hh. 1-98.

<sup>16</sup> Ahmad Mohammad Ibrahim et al. (1995), "*Islamization of the Malay Archipelago and the impact of al-Shafii's Madhab on Islamic Teachings and Legislation in Malaysia*" in Imam al-Shafii, Morocco: Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), h. 52.

<sup>17</sup> Rujuk tulisan Wan Mohd Saghbir Abdullah bertajuk Syeikh Jalaluddin Al-Asyi kesinambungan aktiviti ulama Aceh bertarikh 4 Disember 2006 di Utusan Malaysia. Boleh dirujuk [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1204&pub=utusan\\_malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1204&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm&arc=hive). Dicapai pada 16 -9 2014.

Hujjat al-Balighah, tertulis nama lengkapnya iaitu Faqih Jalaluddin ibnu asy-Syeikh Kamaluddin ibnu al-Qadhi Baginda Khathib at-Tarun Pasir.<sup>18</sup>

## 9.2 Pendidikan

Dipercayai ayah beliau ialah Syeikh Kamaluddin dan datuk Qadhi Baginda Khathib at-Tarun Pasir, kedua-duanya adalah ulama besar, terkenal dan berpengaruh di Aceh pada zamannya. Oleh itu Faqih Jalaluddin menerima pengajian Islam tradisional daripada kedua-duanya. Bagaimanapun dipercayai bahawa beliau juga belajar dengan beberapa orang ulama terkenal di Aceh yang lainnya. Dalam sebuah kitabnya ada dicatatkan bahawa beliau menerima Tarekat Syathariyah dan Tarekat Qadiriyyah daripada gurunya Arif Billah Baba Daud bin Ismail al-Jawi bin Agha Mustafa ar-Rumi.<sup>19</sup>

## 10. Kesimpulan

Alam Melayu sejak kurun ke-17 telah mencatatkan kemunculan ramai ulama yang proaktif dalam menghasilkan karya-karya Islam. Mendahului rakaman sejarah ini ialah karya-karya ulama Aceh terutama Sheikh Jalaluddin dalam bidang fiqah kehakiman Islam. Kitab ini juga belum lagi diterjemahkan ke dalam tulisan rumi dan Bahasa Melayu, ia mungkin tidak disedari oleh masyarakat Melayu bahawa ia adalah kitab terawal dan terpenting merangkumi persoalan sistem kehakiman Islam. Oleh yang demikian, penulis berasa suatu keperluan menganalisis penulisan teks kehakiman Jalaluddin al-Asy dalam kitab *Hujjah al-Balighah*. Ini kerana aspek tersebut belum lagi dikaji. Penulis juga belum lagi menemui teks kitab *Hujjah al-Balighah* yang telah dikaji / dianalisis suntingan secara lengkap. Analisis teks ini adalah penting untuk memastikan kesahan kandungannya yang akan mempengaruhi keputusan kajian. Ini kerana kitab tersebut akan diterjemah dari jawi lama kepada rumi dan dianalisis teks serta kaedah penulisan Jalaluddin al-Asy berdasarkan kandungannya.

Justeru, umat Islam terutama generasi muda zaman moden ini hendaklah mengambil manfaat daripada penghasilan karya ini. Pada masa yang sama pihak-pihak yang berkenaan seharusnya mengambil langkah menghebahkan karya ini kepada masyarakat awam.

---

<sup>18</sup> Rujuk tulisan Wan Mohd Saghir Abdullah bertajuk Syeikh Muhammad Zain al-Asyi generasi ulama Aceh yang diterbitkan pada 29 Januari 2007 dalam Utusan Malaysia. Boleh dirujuk di [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0129&pub=utusan\\_malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0129&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm&arc=hive). Dicapai pada 16-9-2014.

<sup>19</sup> Rujuk tulisan Wan Mohd Saghir Abdullah bertajuk Syeikh Jalaluddin Al-Asyi kesinambungan aktiviti ulama Aceh bertarikh 4 Disember 2006. Boleh dirujuk <http://ulama.blogspot.com/2006/12/syeikh-jalaluddin-al-asyi.html>. Di capai pada 16-9-2014